Ujian 9 UASA

BAB 7

Tarikh : _____

Kesultanan Melayu Pahang, Perak, Terengganu dan Selangor

Skor /60

Bahagian A

1. Apakah yang membuktikan Kesultanan Pahang diasaskan oleh keluarga diraja Kesultanan Melayu Melaka pada tahun 1470? SP 6.2.3 TP1
   - A Raja Muhammad berangkat dari Melaka ke Pahang
   - B Sultan Abdul Jamil Shah pengasas Kesultanan Pahang
   - C Sultan Abdul Ghafur Muhaiyudin Shah berasal dari Melaka
   - D Bendahara Siwa Raja Wan Ahmad merupakan pembesar Kesultanan Melayu Melaka

2. Mengapakah pembesar Perak menjemput Raja Muzaffar di Kampar? SP 6.2.3 TP1
   - A Memajukan Perak
   - B Ditabalkan sebagai Sultan Perak
   - C Mendirikan pusat pemerintahan
   - D Menjalin hubungan dengan Kesultanan Melaka

3. Di manakah pusat pemerintahan Kesultanan Terengganu yang pertama? SP 6.2.3 TP1
   - A Besut
   - B Kemaman
   - C Kuala Berang
   - D Kuala Terengganu

4. Apakah alat kebesaran yang dibawa oleh Tun Zainal Abidin semasa berangkat ke Terengganu? SP 6.2.3 TP1
   - I Nobat
   - II Tepak Sirih
   - III Keris diraja
   - IV Keris panjang Nang Chayam

   - A I dan II
   - B I dan IV
   - C II dan III
   - D III dan IV

5. Apakah yang dilakukan oleh Sultan Zainal Abidin III dalam pemodenan Kesultanan Terengganu? SP 6.2.3 TP2
   - I Menubuhkan sekolah
   - II Menubuhkan pasukan tentera
   - III Menubuhkan mahkamah syariah
   - IV *Undang-Undang Bagi Diri Kerajaan Terengganu*

   - A I dan II
   - B I dan IV
   - C II dan III
   - D III dan IV

6. Maklumat berikut berkaitan dengan Kesultanan Selangor. SP 6.2.3 TP1

Kesultanan Selangor diasaskan oleh keluarga diraja Bugis.

   Siapakah yang diiktiraf sebagai Sultan Selangor?
   - A Raja Lumu
   - B Daeng Chelak
   - C Sultan Zainal Abidin
   - D Sultan Mahmud Shah

7. Apakah sumbangan Sultan Ala'iddin Suleiman Shah? SP 6.2.3 TP2
   - A Memajukan pelabuhan Klang
   - B Pembinaan lapangan terbang
   - C Pembinaan landasan kereta api
   - D Memindahkan pusat pemerintahan ke Jugra

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

LIVEWORKSHEETS

8. Apakah tujuan utama adat melenggang perut diamalkan dalam kalangan masyarakat Melayu? SP 6.2.4 TP 2

A Memastikan bayi dilahirkan matang
B Memastikan bayi dalam kandungan sihat
C Memberi semangat kepada ibu untuk melahirkan bayi
D Membetulkan kedudukan bayi di dalam perut ibu

9. Apakah tujuan ekonomi sara diri dijalankan? SP 6.2.4 TP 2

A Dieksport
B Didagangkan
C Dikomersialkan
D Menampung keperluan harian

10. Mengapakah generasi masa kini perlu memelihara warisan tinggalan Kesultanan Melayu Melaka? SP 6.2.4 TP 3

A Membentuk identiti negara
B Menjamin keamanan negara
C Membentuk masyarakat yang bertoleransi
D Mewujudkan rasa benci terhadap warisan Kesultanan Melayu Melaka

LIVEWORKSHEETS